

LATIHAN BAHASA UNTUK P5 & P6
PERIBAHASA

8



www.saujana.sg

BAHAN INI DIUSAHAKAN OLEH
JAWATANKUASA PENGUMPULAN SOALAN P5 & P6

LATIHAN PERIBAHASA (8A)

Dalam sebuah kampung, tinggal seorang tua bernama Wak Osman. Dia tinggal sendirian di rumah besarnya setelah kematian isterinya. Orang kampung tidak suka bercampur dengan Wak Osman kerana dia seorang **(8) tangkai jering**.

- | | | |
|---|-----|---------|
| 8 | (1) | angkuh |
| | (2) | kedekut |
| | (3) | pemarah |
| | (4) | penakut |

LATIHAN PERIBAHASA (8B)

Berbeza pula dengan Wak Osman ialah adiknya, Wak Ali. Wak Ali mempunyai sikap **(9)murah hati**. Orang kampung berasa syukur mendapatnya sebagai jiran dan sentiasa **(10)menerima bantuan yang dihulurkannya dengan sukacita**.

- | | | |
|---|-----|----------------|
| 9 | (1) | suka beramah |
| | (2) | suka beriadah |
| | (3) | suka menderma |
| | (4) | suka menghibur |

- | | | |
|----|-----|----------------|
| 10 | (1) | buta hati |
| | (2) | besar hati |
| | (3) | tawar hati |
| | (4) | tangan terbuka |

LATIHAN PERIBAHASA (8C)

Sungguhpun mereka adik-beradik, dapat dilihat **(11) perbezaan yang amat ketara** melalui sikap masing-masing. Ini menunjukkan bagaimana pada zahirnya **(12) manusia itu sama tetapi hati dan kehendak tetap berbeza** mengikut peribadi masing-masing.

- | | | |
|----|-----|--|
| 11 | (1) | seperti bumi dengan langit |
| | (2) | seperti rusa masuk kampung |
| | (3) | seperti anjing dengan kucing |
| | (4) | seperti pahat dengan pemukul |
| 12 | (1) | rambut sama hitam, hati lain-lain |
| | (2) | sebab nila setitik, rosak susu sebelanga |
| | (3) | ringan sama dijinjing, berat sama dipikul |
| | (4) | sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga |

JAWAPAN LATIHAN PERIBAHASA



SOALAN	8	9	10	11	12
JAWAPAN	2	3	4	1	1



BAHAN INI DIUSAHAKAN OLEH
JAWATANKUASA PENGUMPULAN SOALAN P5 & P6